Dato' Shamsubahrin bin Ismail lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–153–09 TAHUN 2012
KAMARDIN HASHIM H
3 DISEMBER 2012

Prosedur Sivil — Penyalahgunaan proses mahkamah — Permohonan perintah — Permohonan perintah-perintah pembatalan, pengetepian dan penggantungan — Pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 — Sama ada pertuduhan-pertuduhan adalah mala fide dan terjumlah kepada penyalahgunaan proses mahkamah — Pemfailan permohonan perintah-perintah di Mahkamah Tinggi sedangkan perbicaraan sedang berlangsung di mahkamah sesyen — Bidang kuasa mahkamah untuk membenarkan permohonan — Merit permohonan

Pada asalnya, pemohon telah dihadapkan ke mahkamah sesyen bagi dua pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan. Pertuduhan asal telah ditarik balik dan empat pertuduhan baru kemudiannya dikemukakan. Seterusnya, sebanyak 17 lagi pertuduhan dihadapkan kepada tertuduh di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Kesemua pertuduhan telah diperintahkan oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') secara bersekali dalam satu perbicaraan. Dalam permohonan ini, pemohon memohon perintah-perintah agar pertuduhan-pertuduhan dan pendakwaan terhadapnya diketepikan, dibatalkan dan digantung. Permohonan pemohon berasaskan hujahan bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah mala fide dan terjumlah kepada penyalahgunaan proses mahkamah yang serius dan harus diakas dan dibatalkan oleh mahkamah ini. Selanjutnya, pihak pemohon menyatakan bahawa perkara-perkara yang dinyatakan dalam beberapa pertuduhan terhadapnya bertentangan dengan polisi awam dan merupakan ancaman kepada pentadbiran keadilan yang luhur. Pemohon juga menghujahkan bahawa tindakan pihak pendakwaan meminta mahkamah memberi pengendorsan dan pengiktirafan kehakiman dengan meminta mahkamah membenarkan prosesnya digunakan bagi tujuan tersebut, terjumlah kepada ancaman kepada maruah dan integriti sistem kehakiman. Permohonan ini telah difailkan terus ke Mahkamah Tinggi tanpa dibangkitkan terlebih dahulu di mahkamah sesyen sedangkan perbicaraan telah pun bermula dan sedang berjalan semasa permohonan ini difailkan. Isu-isu yang timbul adalah bidang kuasa mahkamah untuk membenarkan permohonan pemohon dan mengenai merit permohonan pemohon.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Permohonan pemohon untuk membatalkan kesemua pertuduhan

adalah tidak bermerit. Ini bukanlah satu kes yang jelas dan nyata di mana mahkamah wajar melaksanakan kuasa budi bicara semula jadinya untuk membatalkan secara terus semua pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon. Perbicaraan terhadap pemohon sedang berjalan di hadapan HMS tanpa sebarang bantahan oleh pihak pemohon. Perbicaraan tersebut wajar diteruskan dan keputusan atas merit wajar dibuat oleh HMS berkenaan (lihat perenggan 17).

(2) Kuasa semula jadi mahkamah ini untuk membatalkan pertuduhan hendaklah digunakan hanya dalam kes-kes tertentu di mana jelas menunjukkan berlakunya ketidakadilan kepada seseorang tertuduh atau terdapatnya keadaan mala fide, menindas atau penyalahgunaan proses mahkamah. Keadaan atau situasi tersebut gagal ditunjukkan dalam kes terhadap pemohon di sini. Pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon atas semua pertuduhan hendaklah diteruskan di mahkamah sesyen berkenaan (lihat perenggan 18).

[English summary

Initially, the applicant was charged in the sessions court for two charges under s 420 of the Penal Code. The initial charge was withdrawn and four new charges were brought forth. Next, a total of 17 more charges were made against the accused under the Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism Act 2001. All the charges were concurrently ordered by the sessions court judge ('SCJ') in a single trial. In this application, the applicant applied for orders that the charges and the prosecution made against him be set aside, revoked and suspended. The applicant's application was based on the submission that the charges against him were mala fide and amounted to a serious abuse of the court's process and should be reversed and revoked by this court. Furthermore, the applicant averred that the matters stated in a number of the charges against him were in contrary with public policy and a threat to the virtuous administration of justice. The applicant also argued that the prosecution's act in applying to the court to indorse and acknowledge judicially by seeking the court to allow its process to be exercised for the said purpose, amounted to a threat to the dignity and integrity of the judicial system. The application was filed directly to the High Court without first raised in the sessions court even though the trial had already commenced and was running when the application was filed. The issues that arose were the jurisdiction of the court in granting the applicant's application and the merits of the applicant's application.

Held, dismissing the appeal:

(1) The applicant's application to quash the charges was not meritorious. This was not a clear and unambiguous case in which the court could exercise its inherent discretionary power to directly revoke the charges against the applicant. The trial against the applicant was running without

any objection by the applicant. The trial should be duly continued and decision on the merits should be duly made by the said SCJ (see para 17).

(2) The inherent power of this court to quash the charges should only be exercised in certain cases in which it was clearly shown that there occasioned injustice against the accused or that there were circumstances that were mala fide, oppressive or an abuse of the court's process. Such circumstances failed to be shown in the case against the applicant. The charge and prosecution against the applicant on all counts should proceed in the sessions court (see para 18).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193, MP (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2010] 6 MLJ 533, MR (dirujuk)

Datuk Haji Wasli bin Mohd Said v PP and another application [2006] 5 MLJ 172, MT (dirujuk)

Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544; [1991] 1 CLJ (Rep) 183, MA (dirujuk)

Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Pendakwa Raya [2001] MLJU 420, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 s 4

Kanun Keseksaan ss 120A, 420

Kamarul Hisham Kamarudin (Sallehuddin Saidin, Hasnal Rezua Merican dan Lim Kon Keen bersamanya) (The Chambers of Kamarul Hisham & Hasnal Rezua) bagi pihak pemohon.

Abdul Razak Musa (Robert Pasang Alam, Mukhriz dan Sharifah bersamanya) (Penolong Persekutuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim H:

PERMOHONAN PEMOHON

[1] Melalui notis usul bertarikh 10 September 2012, pemohon memohon untuk perintah-perintah berikut:

(a) bahawa pertuduhan-pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon di bawah s 420 Kanun Keseksaan ('Akta 574') di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (Kes No 62R-845–12 Tahun 2011) diketepikan dan dibatalkan;

(b) bahawa pertuduhan-pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon di bawah s 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan

Pembiayaan Keganasan 2001 ('Akta 613') di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (Kes No 62–(497 hingga 502)–06 Tahun 2012) diketepikan dan dibatalkan;

(c) bahawa pemohon diperintahkan untuk dilepaskan dan dibebaskan dari kesemua pertuduhan-pertuduhan di bawah s 420 Kanun Keseksaan dan s 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613) tersebut;

(d) bahawa semua prosiding di dalam Kes No 62R-845–12 tahun 2011 dan Kes Nombor 62–497–06 Tahun 2012 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur digantung dan/atau ditangguhkan sehingga perlupusan permohonan ini; dan

(e) perintah selanjutnya dan/atau relief lain dan/atau arahan atau perintah lanjutan yang didapati perlu oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Alasan-alasan bagi permohonan pemohon itu terkandung di dalam afidavit sokongan diikrarkan oleh pemohon sendiri bertarikh 10 September 2012 di lampiran 3 serta di dalam afidavit balasan dan afidavit pembetulan oleh pemohon di lampiran 11–12.

[3] Pihak responden telah memfailkan tiga afidavit jawapan berikut untuk membantah permohonan pihak pemohon:

(a) afidavit jawapan oleh Nurul Izwan bin Hj Komel berpangkat penolong penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, pegawai penyiasat bagi Kes No 62–845–12 Tahun 2011 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 3 Oktober 2012 di lampiran 8;

(b) afidavit jawapan oleh Mohd Rafizy bin Abd Robani berpangkat penolong penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, pegawai penyiasat bagi Kes No 62–(497 hingga 502)–06 Tahun 2012 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 2 Oktober 2012 di lampiran 9; dan

(c) afidavit jawapan oleh Mohd Shaufi bin Shaharuddin berpangkat penolong penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, pegawai penyiasat bagi Kes No 62–845–12 Tahun 2011 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 2 Oktober 2012 di lampiran 10.

[4] Secara ringkasnya permohonan pemohon berasas kepada pengataan bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap pemohon adalah bersifat mala fide dan terjumlah kepada satu penyalahgunaan proses mahkamah yang serius dan haruslah diakas dan dibatalkan oleh mahkamah ini. Selebihnya pihak pemohon menyatakan bahawa perkara-perkara yang dinyatakan dalam beberapa pertuduhan terhadap pemohon bertentangan dengan polisi awam

dan merupakan ancaman kepada pentadbiran keadilan yang luhur (*sound administration of justice*). Pemohon juga menyatakan bahawa tindakan pihak pendakwaan meminta mahkamah memberi pengendorsan dan pengiktirafan kehakiman dengan meminta mahkamah membenarkan prosesnya digunakan untuk tujuan tersebut terjumlah kepada ancaman kepada maruah dan integriti sistem kehakiman (*dignity and intergrity of the judicial system*). Pemohon juga mendakwa bahawa pertuduhan pertama bagi Kes No 62R-845–12 Tahun 2011 saling bercanggah dengan pertuduhan kedua hingga pertuduhan kelima.

LATAR BELAKANG FAKTA KES

[5] Pada 30 Disember 2011 pemohon telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada asalnya dengan dua pertuduhan bagi kesalahan di bawah s 420 Kanun Keseksaan ('KK'). Pada 12 Jun 2012, pertuduhan kedua yang asal telah ditarik balik dan empat pertuduhan baru telah dikemukakan terhadap pemohon. Pada 17 Jun 2012 sebanyak 17 lagi pertuduhan dihadapkan kepada tertuduh di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLA'). Kesemua pertuduhan telah diperintahkan oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') secara bersama dalam satu perbicaraan.

[6] Untuk kemudahan rujukan, diperturunkan di sini kesemua pertuduhan-pertuduhan yang dihadapkan kepada pemohon:

(1) Kes No 62R-845–12 Tahun 2011

Pertuduhan pertama

Bahawa Kamu, pada 20 November 2011 jam lebih kurang 6.00 petang, di restoran Sid's Pub yang beralamat di H2 Taman Tunku, Off Langkat Tunku, di Bukit Tunku, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menipu, iaitu dengan sengaja menjanjikan kepada Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail, Pengarah Syarikat National Feedlot Corporation, suatu perkhidmatan, iaitu perkhidmatan rundingan dan nasihat, yang pada pengetahuan kamu adalah tidak benar dan bertujuan untuk memperdayakan Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail dan dengan demikian mendorong Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail supaya bersetuju membayar wang perkhidmatan kamu itu. Dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan kedua (pindaan)

Bahawa Kamu, pada 25 November 2011, di dalam premis CIMB Bank cawangan Taman Tun Dr. Ismail, yang beralamat di No. 138 Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr. Ismail, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menipu Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail, Pengarah Syarikat National Feedlot Corporation Sdn Bhd 1 keping cek CIMB nombor 003541 berjumlah

RM255,000.00 dengan secara tidak jujur memujuk Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail menyerahkan kepada kamu cek tersebut dengan memperdaya beliau untuk mempercayai sebahagian wang tersebut kononnya untuk diberikan kepada pegawai-pegawai Polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Perdana, bagi menutup kes yang sedang disiasat pihak Polis Di Raja Malaysia berkaitan National Feedlot Corporation Sdn Bhd yang mana beliau tidak akan menyerahkan 1 keping cek berjumlah RM255,000.00 tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan ketiga

Bahawa Kamu, pada 1 Disember 2011, di dalam premis Maybank cawangan KLCC, yang beralamat di Lot C-21-C, Concourse Extension, Suria KLCC, Kuala Lumpur City Centre, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menipu Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail, Pengarah Syarikat National Feedlot Corporation Sdn Bhd 1 keping cek Public Bank nombor 355428 berjumlah RM500,000.00 dengan secara tidak jujur memujuk Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail menyerahkan kepada kamu cek tersebut dengan memperdaya beliau untuk mempercayai sebahagian wang tersebut kononnya untuk diberikan kepada pegawai-pegawai Polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Perdana, bagi menutup kes yang sedang disiasat pihak Polis Di Raja Malaysia berkaitan National Feedlot Corporation Sdn Bhd yang mana beliau tidak akan menyerahkan 1 keping cek berjumlah RM500,000.00 tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan keempat

Bahawa Kamu, pada 1 Disember 2011, di dalam premis Maybank cawangan KLCC, yang beralamat di Lot C-21-C, Concourse Extension, Suria KLCC, Kuala Lumpur City Centre, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menilpu Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail, Pengarah Syarikat National Feedlot Corporation Sdn Bhd 1 keping cek Maybank Islamic nombor 097155 berjumlah RM300,000.00 dengan secara tidak jujur memujuk Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail menyerahkan kepada kamu cek tersebut dengan memperdaya beliau untuk mempercayai sebahagian wang tersebut kononnya untuk diberikan kepada pegawai-pegawai Polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Perdana, bagi menutup kes yang sedang disiasat pihak Polis Di Raja Malaysia berkaitan National Feedlot Corporation Sdn Bhd yang mana beliau tidak akan menyerahkan 1 keping cek berjumlah RM300,000.00 tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan kelima

Bahawa Kamu, pada 5 Disember 2011, di dalam premis Maybank cawangan Utama Petaling Jaya, yang beralamat di No. 50-52, Jalan Sultan (52/4), dalam Daerah Petaling Jaya, dalam Negeri Selangor, telah menipu Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail, Pengarah Syarikat National Feedlot Corporation Sdn Bhd 1 keping cek Maybank Islamic nombor 097156 berjumlah RM700,000.00 dengan secara tidak

jujur memujuk Datuk Dr Mohamad Salleh Bin Ismail menyerahkan kepada kamu cek tersebut dengan memperdaya beliau untuk mempercayai sebahagian wang tersebut kononnya untuk diberikan kepada pegawai-pegawai Polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Perdana, bagi menutup kes yang sedang disiasat pihak Polis Di Raja Malaysia berkaitan National Feedlot Corporation Sdn Bhd yang mana beliau tidak akan menyerahkan 1 keping cek berjumlah RM700,000.00 tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

(2) Kes No 62–497–06 Tahun 2012

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 25 November 2011 di CIMB Bank, 138-142, Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mengeluarkan wang berjumlah RM255,000.00 secara tunai melalui cek CIMB Bank Islamic cek nombor 003541 akaun nombor 1410000066107 milik Syarikat National Feedlot Corporation Sdn Bhd yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 25 November 2011 di RHB Bank 1st Avenue Bandar Utama, Lot G.01A, Ground Floor, 1, 1st Avenue, Bandar Utama, Lebuh Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan wang tunai berjumlah RM70,000.00 ke dalam akaun RHB nombor akaun 11413800406008 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 25 November 2011 di Maybank Desa Sri Hartamas, 21 & 23, Jalan 23/70A, Desa Sri Hartamas, 50680 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan wang tunai berjumlah RM50,000.00 ke dalam akaun Maybank nombor akaun 162478210796 milik Suzana binti Abdul Aziz (KP No: 670917-01-6112) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

(3) Kes No 62–498–06 Tahun 2012

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 1 Disember 2011 di RHB Bank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-03, Concourse Floor, Suria Kuala Lumpur Commecial Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan wang tunai berjumlah RM30,000.00 ke dalam akaun RHB Bank nombor akaun 11413800406008 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 2 Disember 2011 di Maybank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-21-C, Concourse, Suria Kuala Lumpur Commecial Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan sekeping cek Public Bank (cek nombor 355428) berjumlah RM500,000.00 milik Syarikat National Meat & Livestock Corporation Sdn Bhd ke dalam akaun Maybank nombor akaun 114160795770 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 2 Disember 2011 di Maybank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-21-C, Concourse, Suria Kuala Lumpur Commecial Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan sekeping cek Maybank Islamic nombor 097155 berjumlah RM300,000.00 milik Syarikat Real Food Sdn Bhd ke dalam akaun Maybank nombor akaun 114160795770 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

(4) Kes No 62–499–06 tahun 2012

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 6 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu

memindahkan wang berjumlah RM200,000.00 dari akaun Maybank nombor akaun 114160795770 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) ke dalam akaun Maybank nombor akaun 162478210796 Suzana binti Abdul Aziz (KP No: 670917-01-6112) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 6 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu menggunakan Maybank Banker Cek berjumlah RM167,042.00 bertarikh 6 Disember 2011 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) bagi tujuan pembelian sebuah kereta Mitsubishi Grandis nombor pendaftaran WWC 8573 dari Syarikat F.A. Automobiles (Ipoh) Sdn Bhd beralomat Lot 7, Jalan 222, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 6 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu menggunakan Maybank Banker Cek berjumlah RM138,042.00 bertarikh 6 Disember 2011 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) bagi tujuan pembelian sebuah kereta Mitsubishi ASX nombor pendaftaran WWC 8402 dari Syarikat F.A. Automobiles (Ipoh) Sdn Bhd beralamat Lot 7, Jalan 222, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

(5) Kes No 62–500–06 Tahun 2012

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 6 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang dari akaun Maybank nombor akaun 114160795770 berjumlah RM100,000.00 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) ke dalam akaun RHB Bank nombor akaun 11413800406008 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037), yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang

Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 6 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mengeluarkan wang dari akaun Maybank nombor akaun 114160795770 berjumlah RM180,000.00 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 6 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu transaksi mendepositkan sekeping cek Maybank Islamic nombor 097156 berjumlah RM700,000.00 milik Syarikat Real Food Sdn Bhd ke dalam akaun nombor akaun 114160795770 milik Maybank Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

(6) Kes No 62–501–06 Tahun 2012

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 8 Disember 2011 di Maybank Petaling Jaya, 50-52, Jalan Sultan (52/4), 46200 Petaling Jaya, dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang dari akaun Maybank nombor akaun 114160795770 berjumlah RM700,000.00 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) ke dalam akaun RHB Bank nombor akaun 11413800406008 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037), yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 9 Disember 2011 di RHB Bank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-03, Concourse Floor, Suria Kuala Lumpur Commercial Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang dari akaun RHB Bank nombor akaun 11413800406008 berjumlah RM250,000.00 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) ke dalam akaun

Maybank nombor akaun 162478210796 milik Suzana binti Abdul Aziz (KP No: 670917-01-6112) yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 9 Disember 2011 di RHB Bank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-03, Concourse Floor, Suria Kuala Lumpur Commercial Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang dari akaun RHB Bank nombor akaun 11413800406008 berjumlah RM250,000.00 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) ke dalam akaun OCBC Bank nombor akaun 7041171680 milik Syarikat Awana Sutera Travel & Tours (M) Sdn Bhd beralamat Lot 300, Building 24, Seksyen 63, Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

(7) Kes No 62–502–06 Tahun 2012

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 9 Disember 2011 di RHB Bank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-03, Concourse Floor, Suria Kuala Lumpur Commercial Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang dari akaun RHB Bank nombor akaun 11413800406008 berjumlah RM150,000.00 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) ke dalam akaun nombor akaun 21217000046974 RHB Bank Syarikat Shamsubahrin Ismail Resources Sdn Bhd beralamat E35-06, Dataran 3 Two Square, Jalan 19/1, Seksyen 19, 46300 Petaling Jaya, Selangor yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 13 Disember 2011 di RHB Bank Kuala Lumpur Commercial Center, Lot C-03, Concourse Floor, Suria Kuala Lumpur Center, Kuala Lumpur Commercial Center, 50088 Kuala Lumpur, dalam Daerah Wilayah Persekutuan, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu menggunakan Maybank Banker Cek berjumlah RM138,042.00 bertarikh 6 Disember 2011 milik Shamsubahrin bin Ismail (KP No: 661110-01-6037) bag! tujuan pembelian sebuah kereta Mitsubishi ASX nombor pendaftaran WWC 8402 dari Syarikat F.A. Automobiles (Ipoh) Sdn Bhd

beralamat Lot 7, Jalan 222, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, yang merupakan hasil daripada aktiviti haram dan oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

[7] Permohonan ini telah difailkan terus ke mahkamah ini tanpa dibangkitkan terlebih dahulu di hadapan HMS. Perbicaraan telah pun bermula dan sedang berjalan semasa permohonan ini difailkan.

HUJAHAN PEGUAMBELA PEMOHON

[8] Encik Kamarul Hisham Kamarudin yang mewakili pemohon telah berhujah meliputi dua isu utama iaitu mengenai bidang kuasa mahkamah ini untuk membenarkan permohonan pemohon bagi membatalkan pertuduhan-pertuduhan terhadap pemohon atas alasan penyalahgunaaan proses mahkamah dan keduanya, mengenai merit permohonan pemohon itu sendiri. Bantahan pemohon adalah terhadap kesemua pertuduhan-pertuduhan di dalam kes yang didaftarkan di bawah Kes No 62R-845–12 Tahun 2011 dan Kes No 62–497 hingga 502–06 Tahun 2012 seperti diperturunkan di awal penghakiman ini.

[9] Mengenai isu bidang kuasa, peguambela terpelajar telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Agong dalam kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544; [1991] 1 CLJ (Rep) 183. Peguambela telah merujuk kepada ruangan 'diputuskan' pada perenggan [3]–[5] seperti berikut:

> [3] KPJ tidak membuat peruntukan untuk pembatalan prosiding atau pembebasan seorang sebelum mendengar semua keterangan yang dapat dikemukakan oleh pihak pendakwa, dan penangguhan kes-kes tidak menjejaskan syarat ini. Tidaklah menjadi tujuan atau matlamat Parlimen untuk membenarkan mahkamah rendah melaksanakan kuasa luas yang telah diberi kepada pihak pendakwa raya.
>
> [4] Sekiranya sesuatu pihak berpendapat bahawa tuduhan atau pendakwaan tidak betul atau tidak adil, pihak tersebut boleh merayu atau merujuk perkara tersebut ke Mahkamah Tinggi untuk memansuhkan (*quash*) tuduhan atau dakwaan yang berkenaan atau sebaliknya pihak berkenaan boleh mengemukakan aduan kepada pendakwa raya.
>
> [5] Doktrin kuasa sedia ada yang disyaratkan oleh undang-undang Inggeris tidak boleh digunakan oleh mahkamah rendah dan di bawah KPJ, tidak ada peruntukan yang membenarkan penerimaan undang-undang Inggeris atau system perundangan negara yang lain; walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi boleh melaksanakan kuasa prerogatifnya untuk keadilan dan perlindungan tertuduh.

[10] Peguambela berhujah berdasarkan kepada keputusan Mahkamah

Agong dalam kes tersebut, hanya Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa serta kuasa *prerogative* demi keadilan dan perlindungan kepada tertuduh untuk memansuhkan pendakwaan atau pertuduhan terhadap tertuduh. Keputusan tersebut telah diterima pakai oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v Pendakwa Raya* [2001] MLJU 420 dan dalam kes *Datuk Haji Wasli bin Mohd Said v Public Prosecutor and another application* [2006] 5 MLJ 172. Prinsip yang sama turut diterima pakai oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 533 dan juga Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193. Oleh itu peguambela berhujah mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan perintah seperti yang dipohon oleh pemohon di dalam permohonan beliau.

[11] Mengenai isu merit permohonan, peguambela berhujah bahawa pendakwaan dan pertuduhan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadap pemohon adalah bercanggah dengan polisi awam dan juga bertentangan dengan amalan keadilan jenayah sejagat. Oleh itu pendakwaan terhadap pemohon atas semua pertuduhan tersebut merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah. Tindakan untuk memansuhkan pertuduhan dan pendakwaan yang menyalahi proses mahkamah boleh dilakukan melalui dua cara iaitu sama ada dengan melihat kepada pertuduhan itu sendiri ataupun dengan melalui pemfailan afidavit sokongan seperti diputuskan dalam kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor*.

[12] Peguambela seterusnya menyatakan bahawa kesemua lima pertuduhan di bawah s 420 KK dan 17 pertuduhan di bawah AMLA adalah melibatkan satu jumlah wang yang sama iaitu RM1.755 juta yang telah diberikan oleh pengadu kepada pemohon akibat kononnya diperdayakan untuk memberi khidmat rundingan yang tidak benar di bawah pertuduhan pertama dalam kes 62R-845–12 Tahun 2011. Wang yang sama yang diberikan atas perdayaan kerana perkhidmatan rundingan yang tidak benar telah digunakan bagi maksud empat pertuduhan yang lain bagi kesalahan memperdayakan mangsa yang sama bagi maksud membayar wang rasuah kepada pegawai kanan polis dari Bukit Aman. Selain itu jumlah wang yang sama menjadi hal perkara dalam 17 pertuduhan melibatkan diri dalam pengubahan wang haram di bawah AMLA. Peguambela berhujah tindakan ini bertentangan dengan polisi awam dan amalan keadilan jenayah sejagat. Sekiranya wang itu dibayar untuk yuran perkhidmatan bagaimana pula wang yang sama turut dibayar oleh pengadu untuk tujuan merasuah pegawai kanan polis. Begitu juga sebaliknya jika dibayar untuk tujuan rasuah bagaimana boleh turut dibayar bagi tujuan perkhidmatan rundingan.

[13] Peguambela juga berhujah sekiranya benar pertuduhan bahawa pengadu telah membayar RM1.755 juta kepada pemohon untuk tujuan

memberi rasuah kepada pegawai kanan polis Bukit Aman, ini bermakna pengadu telah melakukan kesalahan jenayah konspirasi di bawah s 120A Kanun Keseksaan. Ini meneruskan pertuduhan kedua dan kelima dalam kes 62R-845–12 Tahun 2011 ini bermakna mahkamah akan memberikan pengiktirafan kepada aktiviti kesalahan konspirasi jenayah tersebut apabila mendakwa pemohon yang telah gagal untuk meneruskan niat untuk merasuah pegawai kanan polis Bukit Aman yang menyiasat terhadap Sykt National Feedlot. Sehingga kini tiada pendakwaan terhadap pengadu dibuat sedangkan pemohon yang tidak meneruskan dengan konspirasi jenayah yang dirancang oleh pengadu pula yang telah dipertuduhkan.

HUJAHAN RESPONDEN

[14] Yang berbahagia Dato' Abdul Razak bin Musa, Peguam Kanan Persekutuan Suruhanjaya Pencegahan Malaysia (Dato' PKP) dalam hujahan balasnya menyangkal fakta yang dihujahkan oleh peguambela pemohon. Dato' PKP menyatakan bahawa fakta yang akan dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan dalam kes ini adalah berlainan dengan fakta yang dikatakan oleh peguambela. Pada asalnya pemohon telah dipertuduhkan dengan dua pertuduhan atas kesalahan menipu kononnya pemohon boleh menjalankan kerja-kerja konsultansi bagi baik pulih nama syarikat pengadu. Siasatan mendapati pemohon bukanlah seorang konsultan bertauliah dan wang yang diberikan juga bukan untuk tujuan konsultan. Pertuduhan kedua–kelima berkaitan wang RM1.755 juta kononnya untuk diberikan kepada pegawai kanan polis tetapi siasatan mendapati wang itu tidak diberikan kepada pegawai polis. Wang-wang tersebut telah digunakan oleh pemohon untuk tujuan dan kegunaan beliau sendiri. Oleh itu 17 tuduhan di bawah AMLA telah dikenakan apabila siasatan mendapati wang tersebut bukan digunakan untuk tujuan konsultasi mahupun untuk dibayar kepada pegawai kanan polis.

[15] Dato' PKP turut membangkitkan tindakan pihak pemohon yang tidak menimbulkan sebarang bantahan terhadap pertuduhan di hadapan hakim mahkamah sesyen yang telah meneruskan dengan perbicaraan kes terhadap pemohon. Pemohon tidak wajar memfailkan permohonan untuk membatalkan pertuduhan di Mahkamah Tinggi oleh kerana mahkamah sesyen turut mempunyai bidang kuasa untuk berbuat demikian. Sehingga pendengaran permohonan ini seramai sepuluh saksi pendakwaan telah pun memberikan keterangan.

[16] Mengenai bidang kuasa mahkamah untuk membantalkan pertuduhan, Dato' PKP berhujah mahkamah tidak boleh secara terus membatalkan sesuatu pertuduhan tanpa mendengar keterangan yang hendak dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Mahkamah dihujahkan tidak boleh melangkaui kuasa pendakwa raya untuk memula atau meneruskan dengan pertuduhan. Pihak

pendakwaan juga boleh membuat pindaan terhadap pertuduhan pada bila-bila dan pada mana-mana peringkat perbicaraan. Mahkamah hanya akan membatalkan pertuduhan melalui bidang kuasa sedia ada sekiranya jelas terdapat mala fide atau pun terdapat penyalahgunaan proses mahkamah. Pihak pendakwaan akan membuktikan semua pertuduhan terhadap pemohon di dalam perbicaraan yang sedang berjalan di mahkamah sesyen dan Dato' PKP memohon permohonan pemohon ditolak.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[17] Setelah mendengar dan meneliti hujahan kedua-dua belah pihak, saya berpuas hati dan mendapati bahawa permohonan pemohon untuk membatalkan semua pertuduhan adalah tidak bermerit. Ini bukanlah satu kes yang jelas dan nyata di mana mahkamah ini wajar melaksanakan kuasa budi bicara semula jadinya untuk membatalkan secara terus semua pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon. Perbicaraan terhadap pemohon sedang berjalan di hadapan hakim mahkamah sesyen tanpa sebarang bantahan oleh pihak pemohon. Wajar perbicaraan tersebut diteruskan dan keputusan atas merit dibuat oleh hakim mahkamah sesyen yang berkenaan.

[18] Kuasa semula jadi mahkamah ini untuk membatalkan pertuduhan hendaklah digunakan hanya dalam kes-kes tertentu di mana jelas menunjukkan berlakunya ketidak adilan kepada seseorang tertuduh atau terdapatnya keadaan mala fide, menindas atau penyalahgunaan proses mahkamah. Saya berpuas hati dan mendapati mendapati keadaan atau situasi tersebut gagal ditunjukkan dalam kes terhadap pemohon di sini. Oleh itu saya menolak permohonan pemohon. Pertuduhan dan pendakwaan terhadap pemohon atas semua pertuduhan hendaklah diteruskan di mahkamah sesyen berkenaan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor